

Pastikan projek luar bandar libatkan penduduk setempat

Oleh ZULKIFLEE BAKAR dan MARZUKI YUSOF

Gunakan tenaga kerja dan khidmat masyarakat setempat supaya mereka juga mendapat faedah dan hasilnya

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

M A R A N G I Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua kerajaan negeri memastikan setiap projek yang hendak dilaksanakan di kawasan luar bandar terutamanya dalam bidang industri turut melibatkan penduduk setempat.

Perdana Menteri berkata, langkah itu penting bagi memastikan golongan berkenaan mendapat faedah dan tidak ketinggalan dalam sebarang projek yang dilaksanakan.

"Kita harus menggalakkan usahawan setempat terlibat dan tidak perlu memanggil ahli perniagaan dari luar seperti Kuala Lumpur untuk melaksanakan industri di kawasan kita.

"Gunakan juga tenaga kerja dan khidmat masyarakat setempat supaya mereka juga mendapat faedah dan hasilnya," kata beliau.

Abdullah berkata demikian ketika berucap merasmikan Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Nira Nipah, di sini hari ini.

Kilang bernilai RM400,000 itu didirikan oleh kerajaan negeri Terengganu khusus untuk mengkomersialkan produk yang diperbuat daripada pokok nipah. Ia dijangka mampu memberi pendapatan sehingga RM500,000 setahun kepada pengusahanya.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha memastikan lebih ramai penduduk setempat terlibat dalam sesuatu perusahaan atau industri yang dijalankan, sesebuah koperasi haruslah ditubuhkan.

"Inilah cara kita dalam usaha memastikan pendapatan rakyat mampu ditingkatkan. Kerajaan tidak mahu dianggap hanya tahu menaikkan harga barang sedangkan tiada usaha dilakukan bagi menambah pendapatan rakyat," katanya.

Beliau menjelaskan, bagi memastikan hasrat itu tercapai, kerajaan negeri harus sentiasa memikirkan bagaimana untuk memajukan rakyat melalui pelaksanaan projek-projek yang sekali gus boleh meningkatkan taraf hidup mereka.

"Apabila kita jadi pemimpin dan kerajaan kita harus fikirkan soal memajukan rakyat, ini termasuklah bagaimana hendak menambah pendapatan mereka dan mencari kekayaan baru," katanya.

Abdullah berkata, kejayaan menghasilkan



ABDULLAH Ahmad Badawi memangkas tandan nipah untuk menghasilkan nira pada majlis perasmian Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Nira Nipah di Marang, Terengganu, semalam.

- Gambar MAHATHIR ALI

kan air nira nipah yang dilancarkan hari ini jelas membuktikan bahawa sesuatu hasil bumi boleh mendatangkan pendapatan lumayan jika ia bijak dieksploitasikan.

"Allah tidak menjadikan sesuatu itu dengan sia-sia, terserah kepada manusia ba-

gaimana hendak menggunakan nikmat yang diberikan. Sebab itulah kita memerlukan lebih ramai golongan berpengalaman bagi memastikan nikmat Allah itu tidak dibazirkan," katanya.

Perdana Menteri juga melahirkan keagumannya kerana air nira nipah yang di-

proses di sini bukan sahaja dipasarkan di Terengganu tetapi juga mendapat sambutan hebat di Asia Barat.

"Siapa sangka pokok yang selama ini diguhakan untuk tujuan lain boleh mendatangkan kekayaan baru dan menjadi sebuah industri," katanya.